



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

Submission date: 16/01/2023 Acceptance date: 18/03/2023 Publication date: 18/05/2023

AMALAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN KHAS DALAM MELAKSANAKAN MATA PELAJARAN KEMAHIRAN VOKASIONAL TANAMAN KEPADA MURID MASALAH PEMBELAJARAN

TEACHING PRACTICES OF SPECIAL EDUCATION TEACHERS IN IMPLEMENTING THE SUBJECT OF PLANT VOCATIONAL SKILLS TO STUDENTS WITH LEARNING DISABILITIES

^{i,*} Ahmad Muaz Ahmad Khair & ⁱNoraini Abdullah

ⁱ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak,
Malaysia

*Corresponding author. E-mail: noraini.abdullah@fpm.upsi.edu.my

ABSTRACT

This study aims to identify teachers' teaching practices in implementing the subject of Plant Vocational Skills to students with learning disabilities. This study uses a qualitative approach with a case study design as well as data collection methods through interviews with special education teachers who teach Plant Vocational Skills to students with learning disabilities. A total of three teachers were selected based on a purposive sampling technique in three secondary schools in the district of Kuala Selangor, Selangor. The results of the study found that teaching practices based on Slavin's Model (1994) can influence the effectiveness of special education teachers' teaching and learning on Plant Vocational Skills from four elements, namely teaching quality, teaching level, incentives and time. The findings of the study show that special education teachers are able to use a variety of methods that match the ability of students with learning disabilities, using positive and negative reinforcement methods to motivate students with learning disabilities and teachers are able to manage teaching time effectively. It is hoped that this study can improve the teaching quality of special education teachers in teaching Plant vocational skills to students with learning disabilities.

Keywords: *Teacher's Teaching Practice, Plant Vocational Skills, Students with Learning Disabilities*

Cite as: Ahmad Khair, A. M., & Abdullah, N. (2023). Amalan pengajaran guru pendidikan khas dalam melaksanakan mata pelajaran kemahiran vokasional tanaman kepada murid masalah pembelajaran: Teaching practices of special education teachers in implementing the subject of plant vocational skills to students with learning disabilities. *Law, Policy, and Social Science*, 2(1), 31-42. <https://doi.org/10.55265/lpssjournal.v2i1.26>

© The Author(s) (2023). Published by Intelligentia Resources. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact intelligentia.resources@gmail.com.



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والحلول الاجتماعية

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengajaran guru dalam melaksanakan mata pelajaran Kemahiran Vokasional Tanaman (KVT) kepada murid masalah pembelajaran (MMP). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes serta kaedah pengumpulan data melalui temu bual dengan guru-guru pendidikan khas yang mengajar KVT kepada MMP. Seramai tiga orang guru telah dipilih berdasarkan teknik pensampelan bertujuan di tiga buah sekolah menengah di daerah Kuala Selangor, Selangor. Hasil kajian mendapati bahawa amalan pengajaran berdasarkan model Slavin (1994) dapat mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru pendidikan khas terhadap KVT daripada empat elemen, iaitu kualiti pengajaran, aras pengajaran, insentif dan masa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru pendidikan khas berupaya menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian dengan kemampuan MMP, menggunakan kaedah peneguhan positif dan negatif bagi memotivasikan MMP dan guru berupaya mengurus masa pengajaran dengan efektif. Diharapkan kajian ini dapat meningkatkan kualiti pengajaran guru pendidikan khas dalam mengajar KVT kepada MMP.

Kata kunci: Amalan Pengajaran Guru, Kemahiran Vokasional Tanaman, Murid Masalah Pembelajaran

Pendahuluan

Keberkesanan pelaksanaan Kemahiran Vokasional Tanaman (KVT) adalah bergantung kepada pengajaran guru di bilik darjah. Proses pengajaran yang berkualiti bergantung kepada perancangan, pelaksanaan, dan penilaian pengajaran guru tersebut. Kebolehan guru merancang pembelajaran berdasarkan tujuan pendidikan yang dikehendaki dapat membentuk pengajaran yang berkualiti dan berkesan (Kamarul *et. al*, 2017). Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, amalan pengajaran guru yang berkesan adalah keupayaan guru tersebut mengubah suai teknik pengajaran, menggunakan media pengajaran yang menarik dan mendalami isi kandungan yang hendak diajar (Wan Nurzuliana, 2019). Pengajaran guru yang berkesan dapat memotivasikan murid dan menjadikan sesuatu pembelajaran lebih bermakna dan menyeronokkan

Kekurangan keupayaan diri murid masalah pembelajaran (MMP) bukan menjadi penghalang kepada mereka untuk memperoleh ilmu dan pengetahuan dalam bidang kemahiran. Bidang kemahiran mampu membantu MMP bersedia dan menyiapkan diri untuk menghadapi dunia pekerjaan setelah menamatkan alam persekolahan (Mohd Yusof, 2014). Ketidakupayaan MMP dalam akademik turut mendorong mereka kepada pembelajaran berasaskan kemahiran. Helms Jorgensen *et al.* (2019) menjelaskan bahawa murid yang tidak menguasai pendidikan akademik diberi pilihan dalam menyediakan kemahiran utama untuk sektor pasaran kerja. Potensi diri dan keupayaan mereka perlu dibimbing melalui pendekatan pembelajaran yang berfokuskan kepada psikomotor dan dilaksanakan dalam persekitaran vokasional. Sehubungan itu, KPM telah berusaha dalam menyediakan mata pelajaran kemahiran vokasional kepada semua MMP di PPKI sekolah menengah harian di seluruh Malaysia.



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والحلول الاجتماعية

Pengajaran yang berkesan bergantung kepada kebolehan guru dalam merancang perjalanan pembelajaran ke arah tujuan pendidikan yang diperlukan (Nadzri dan Nor Fadilah, 2017). Justeru itu, guru pendidikan khas perlulah mempunyai perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran dan pengurusan bilik darjah supaya dapat menjalankan PdP yang menarik dan sesuai dengan tahap keupayaan MMP. Kajian ini dijalankan bagi meninjau amalan pengajaran guru pendidikan khas supaya guru sentiasa memperbaiki dan menambahbaik amalan pengajaran dengan lebih baik dalam mata pelajaran KVT. Dalam kajian ini penyelidik telah menggunakan model pengajaran berkesan Slavin (1994) sebagai penanda aras kepada keberkesanan guru dalam menyampaikan pengajaran yang berkualiti kepada murid masalah pembelajaran. Model ini mempunyai empat elemen yang menyumbang kepada proses pengajaran guru, iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa.

Sorotan Literatur

Guru merupakan individu yang berperanan penting dalam melahirkan model insan yang dapat memenuhi aspirasi negara. Guru berfungsi sebagai penyampai ilmu, pencorak minda dan pembentukan sahsiah murid. Guru yang berkesan dalam pengajarannya haruslah mempunyai kebertanggungjawaban terhadap pengetahuan pedagogi, pelaksanaan pengajaran, kawalan interaksi dalam bilik darjah, pengurusan bilik darjah, proses pengajaran dan pembelajaran serta mempunyai sikap profesionalisme guru (Coe *et al.*, 2014). Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di bilik darjah dapat melahirkan modal insan yang dapat memacu kecemerlangan negara pada masa akan datang. Oleh itu, amalan pengajaran guru yang berkesan merupakan penentu keberkesanan dalam pendidikan (Nor Fadhilah, 2017).

Amalan pengajaran guru yang berkesan adalah guru seharusnya memiliki ilmu pengetahuan yang cukup tentang isi kandungan dan pedagogi bagi sesuatu mata pelajaran. Penguasaan guru terhadap isi kandungan sesuatu mata pelajaran adalah penting supaya pengajaran menjadi bermakna dan objektif sesuatu topik pengajaran tercapai. Namun begitu, guru pendidikan khas tidak mempunyai kepakaran dalam kemahiran vokasional kerana mereka tidak berkelayakan dan kurang pengalaman dalam melaksanakan kemahiran vokasional. Kajian Haslina *et. al.* (2017) guru terbahagi kepada dua kategori berdasarkan kelayakan ikhtisas, iaitu (i) guru mengikut opsyen yang mendapat latihan ikhtisas dalam sesuatu bidang dan mengajar subjek berkaitan dan (ii) guru bukan opsyen yang mengajar subjek berlainan daripada kelayakan ikhtisas. Masalah ini menjadi penghalang dan memberikan kesan yang besar kepada guru pendidikan khas dalam melaksanakan mata pelajaran Kemahiran Vokasional Tanaman dengan berkesan.

Kajian Mohd Azlan dan Anesman Buangraya (2020) telah mengenal pasti amalan kaedah pengajaran tenaga pengajar Teknologi Elektronik di Kolej Vokasional di Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa amalan pengajaran yang sering digunakan oleh tenaga pengajar ialah kaedah bengkel, tunjuk cara, soal jawab, tutorial, perbincangan, syarahan. Hasil kajian menunjukkan terdapat sedikit percanggahan bahawa guru kurang mahir dalam menggunakan teknologi dalam bilik darjah. Menurut Ibrahim *et al.* (2019), guru mesti menggunakan teknologi dalam bilik darjah dengan menyelarkannya mengikut kandungan pelajaran dan pedagogi yang digunakan. Kemahiran menggunakan teknologi



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والحلول الاجتماعية

maklumat dan komunikasi adalah salah satu kemahiran yang diperlukan bagi setiap guru pada zaman kini bagi melaksanakan kurikulum yang dirancang dengan berkesan.

Kajian Nur Hazwanie, Isa Hamzah dan Mohd Hanafi (2020) mendapati bahawa guru-guru tidak mempunyai latihan kemahiran yang mencukupi bagi mengajar mata pelajaran kemahiran vokasional di sekolah. Kajian menunjukkan bahawa latihan guru dalam melaksanakan mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) berdasarkan KSSMPK adalah berada pada tahap yang rendah. Dapatan kajian menunjukkan guru tidak cekap mengajar mata pelajaran KVS sehingga mereka terpaksa mengajar atau menyampaikan sesuatu ilmu pengetahuan di luar bidang penguasaan mereka. Guru perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan mata pelajaran supaya guru dapat membuat persediaan dan perancangan mengajar dengan teratur (Ruzaini Rani, 2015). Tambahan pula, aktiviti pengajaran dan pembelajaran kemahiran vokasional memerlukan guru yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam mengendalikan peralatan dan mesin dengan baik. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka amalan pengajaran guru pendidikan khas dalam melaksanakan KVT kepada MMP di PPKI.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian kes merupakan satu proses kajian yang mendalam dan menyeluruh terhadap sesuatu perkara dan mengenal pasti perihai yang telah atau sedang berlangsung dalam tempoh masa tertentu (Marohaini Yusof, 2016). Instrumen yang digunakan ialah kaedah temu bual yang diadaptasi daripada Shahrul @ Charil Marzuki (2002). Data dikumpul menggunakan kaedah temu bual bagi meneroka amalan pengajaran guru pendidikan khas dalam melaksanakan mata pelajaran KVT kepada MMP. Sampel kajian terdiri daripada tiga orang guru pendidikan khas yang mengajar mata pelajaran KVT di tiga buah sekolah menengah di daerah Kuala Selangor, Selangor. Pemilihan peserta kajian berdasarkan persampelan bertujuan untuk memenuhi keperluan soalan kajian, bersedia memberi kerjasama dan mampu memberi maklumat yang diperlukan bagi membantu proses kajian berjalan dengan lancar. Data kajian dianalisis mengikut tema-tema yang muncul bagi memahami hubungan yang ada berdasarkan objektif dan dapatan kajian.

Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian adalah berdasarkan tema-tema yang terhasil untuk menjawab persoalan kajian berkaitan amalan pengajaran guru pendidikan khas dalam melaksanakan KVT berdasarkan model pengajaran berkesan Slavin (1994).

Kualiti Pengajaran

Kualiti pengajaran dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti kemampuan guru pendidikan khas Kemahiran Vokasional Tanaman dalam mengendalikan pengajaran kepada murid masalah pembelajaran. Berdasarkan hasil dapatan kajian, terdapat dua tema bagi kualiti pengajaran guru iaitu kaedah pengajaran dan bahan bantu mengajar.



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

Kaedah Pengajaran

Dapatan kajian menunjukkan kesemua responden menggunakan kaedah pengajaran bagi menarik perhatian MMP dalam KVT. Kaedah pengajaran seperti tunjuk cara atau demonstrasi merupakan kemahiran guru dalam menerangkan langkah dan cara melakukan sesuatu aktiviti pembelajaran. Kaedah tunjuk cara atau demonstrasi sesuai digunakan kepada MMP dalam melakukan kerja amali yang melibatkan penggunaan alatan tanaman. Ini ditegaskan oleh G1 dan G2 melalui kenyataannya seperti berikut:

“...saya lebih kepada tunjuk cara...Kalau kaedah tunjuk cara ni lebih kepada saya tunjuk macam nak buat. Contoh kalau nak tanaman pokok ni kita kena buat macam ni. Kita tunjuk cara tu kepada murid...” (G1)

“...banyak kaedah. Tapi kita ambil kaedah yang mudah kita ajar dan mudah untuk murid terima. Saya biasanya lebih kepada kaedah demonstrasi lebih kepada amali, dimana saya akan tunjukkan dahulu dan diikuti oleh pelajarlah...” (G2)

Selain itu, kaedah pengajaran berasaskan projek merupakan salah satu kaedah dan pendekatan yang berkesan dalam menyampaikan pengajaran kepada MMP. Hal ini kerana kaedah pengajaran berasaskan projek dapat menggalakkan MMP membina kemahiran dan memperoleh ilmu kemahiran melalui aktiviti projek, kolaborasi dan teknik “*hands on*”. Ini ditegaskan oleh G3 melalui kenyataannya seperti berikut:

“Biasa saya selalu ajar kaedah projek. Projek kalau tanaman jaga pokok la, membaja, menyiram, membuang rumput, kawalan serangga...murid-murid kena buat *hands on*.” (G3)

Bahan Bantu Mengajar

Bahan bantu mengajar merupakan perkara penting dalam melaksanakan pengajaran yang berkualiti. Penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik berupaya merangsang minat murid untuk mengikuti pelajaran yang disampaikan oleh guru. Hasil dapatan kajian menunjukkan kesemua responden menggunakan bahan bantu mengajar abad ke-21 yang sesuai seperti teknologi maklumat dan multimedia. bagi menarik perhatian murid untuk mempelajari KVT. Ini ditegaskan oleh G1, G2 dan G3 melalui kenyataannya seperti berikut:

“Bahan bantu mengajar pula saya lebih kepada pembelajaran abad ke-21. Saya lebih banyak menggunakan teknologi la. Contoh macam guna youtube ke. Jadi dari situ saya dapat rangsang minda murid dengan teknologi bila belajar. Murid Pendidikan khas ini suka kalau kita ajar guna youtube ni”. (G1)



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والحلول الاجتماعية

“...jadi BBM yang saya gunakan berasaskan ICT la. Contoh LCD, komputer dan projector. Kalau cara ni saya paparkan maklumat pengajaran pada papan putih dan murid belajar bersama-sama. Tu kalau teori. sama juga dengan amali saya ajar murid guna multimedia...panduan ni kalau menarik kena ada gambarnya atau video masa buat penerangan. Biasanya murid seronok...” (G2)

“...tengok juga kadang-kadang saya guna juga kaedah multimedia. Saya akan paparkan video untuk menarik minat murid...” (G3)

Selain itu, penggunaan bahan maujud semasa sesi pengajaran guru dapat meningkatkan pengalaman MMP menggunakan peralatan amali tersebut. Bahan bantu mengajar maujud turut digunakan dalam mengajar KVT kepada MMP. Ini ditegaskan oleh G3 melalui kenyataannya seperti berikut:

“Bahan-bahan biasanya saya akan gunakan..tengok dalam pdpc yang diajar. Bahan alatan seperti cangkul dan alatan yang lain. Bahan maujud ni murid dapat guna masa di kebun”. (G3)

Aras Pengajaran

Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bergantung kepada keupayaan guru dalam menyampaikan pengajarannya kepada semua murid. MMP mempunyai pelbagai aras kemampuan dan kebolehan dalam menerima pembelajaran. Tema yang terhasil bagi aras pengajaran ialah mengajar mengikut aras kemampuan MMP.

a. Mengajar Mengikut Aras Kemampuan MMP

MMP mempunyai pelbagai tahap keupayaan dan kebolehan dalam menerima pembelajaran. Penggunaan kaedah dan pendekatan yang sesuai mengikut aras kemampuan murid dapat memenuhi keperluan MMP dalam menerima pembelajaran. Ini ditegaskan oleh G1 dan G2 melalui kenyataannya seperti berikut:

“...macam dalam kelas saya tu tak semua murid yang tahap rendah ada juga tahap sederhana. Jadinya, kalau murid tu tahap rendah saya akan bagi kerja yang mudah....kita akan bagi lebih kepada arahan la. (G1)

“...murid A tak boleh sama dengan murid B. Cara latihan untuk murid A tak sama dengan murid B. Tapi apa yang kita ajar tu mesti capai objektif yang sama”. (G2)



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والحلول الاجتماعية

Tahap kemampuan, kebolehan, pemahaman dan pencapaian MMP perlu diambil kira oleh guru bagi menggalakkan penyertaan aktif MMP dalam pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan pengajaran yang tidak mengikut aras kemampuan MMP akan memberi kesan kepada pembelajaran murid. Ini ditegaskan oleh G3 melalui kenyataannya seperti berikut:

“...pengajaran tanpa aras kemampuan akan menyebabkan murid lemah menjadi pasif...”.
(G3)

Insentif

Penggunaan intensif berupaya memotivasikan murid sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Terdapat dua tema bagi insentif yang digunakan oleh guru dalam PdP, iaitu peneguhan positif dan peneguhan negatif.

a. Peneguhan Positif

Penggunaan insentif berbentuk peneguhan positif seperti ganjaran berupaya memotivasikan MMP sepanjang proses PdP berlangsung. Ini ditegaskan oleh G1 dan G3 melalui kenyataannya seperti berikut:

“...murid yang banyak membantu dalam kerja amali kami akan bagi ganjaran kepada mereka. Ganjaran ini biasanya duit hasil tanaman la...” (G1)

“Saya memberi ganjaran kepada murid. Lebih-lebih lagi apabila saya membuat projek jualan. Hasil duit dijadikan upah kepada murid. Jadi murid nampak bahawa tanaman ini boleh memberikan hasil kepada murid-murid tersebut”. (G3)

Selain itu, peneguhan positif berbentuk pujian dapat memberikan rangsangan dan kesan emosi kepada MMP dalam mengubah tingkah laku dalam pembelajaran. Ini ditegaskan oleh G2 melalui kenyataannya seperti berikut:

“...kita nak bagi murid kita semangat kena bagi puji. Sebab pujian ni juga bukan saja dapat beri motivasi pada murid tersebut tapi dapat bagi motivasi pada murid lain juga...”. (G2)

b. Peneguhan Negatif

Peneguhan negatif seperti dendaan berbentuk psikologi mampu mengubah tingkah laku MMP bagi melakukan aktiviti amali tanaman. Ini ditegaskan oleh G1 dan G2 melalui kenyataannya seperti berikut:



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والحلول الاجتماعية

“Yang ni lebih kepada peneguhan negatif la. Tapi tak ada la saya ni lebih kepada denda. Saya akan lebih kepada permainan psikologi la murid-murid ni. Bila saya buat macam ni murid yang saya tak pujian akan rasa tercabar. Jadi dia akan buat bila saya suruh”. (G1)

“Biasanya saya akan denda murid tersebut. Contoh denda yang saya buat tak bagi duit hasil jualan. Kalau tak denda macam ni, murid tak akan melakukan aktiviti amali tanaman”. (G3)

Peneguhan negatif seperti teguran baik merupakan insentif kepada MMP untuk bersikap terbuka dalam menerima teguran. Ini ditegaskan oleh G2 melalui kenyataannya seperti berikut:

“Biasanya kalau macam ni kita bagi teguran. Tindakanya kita bincang dengan murid depan-depan tanya apa masalah, apa yang dia nak, apa kekurangan supaya masalah murid kita dapat selesai. Teguran ni kena cara baik baru murid dapat terima”. (G2)

Masa Pengajaran

Masa pengajaran adalah penting bagi guru dalam melaksanakan pengajaran dengan baik dan berkesan. Pengajaran KVT memerlukan guru mengurus masa dalam mengajar teori dan amali kepada MMP dengan teratur dan sistematik.

a. Pengurusan Masa Guru

Dapatan kajian menunjukkan kesemua guru pendidikan khas mengurus masa dengan menggunakan masa sepenuhnya untuk mengajar KVT kepada MMP. Pengurusan masa seperti membahagikan waktu pengajaran berupaya membentuk pengajaran yang berkualiti demi memenuhi keperluan murid dan kurikulum KVT. Ini ditegaskan oleh G1, G2 dan G3 melalui kenyataannya seperti berikut:

“Untuk ajar teori dan amali ni sejujurnya saya akan bagi penerangan berkaitan tajuk pada hari tersebut. Kemudian bagi lembaran dulu apa yang nak diajar pada hari tu. Bila ada masa selebihnya tu saya akan buat aktiviti amali la dekat luar. Jadi, dia ada kaitan la apa teori yang saya ajar akan murid buat bila amali. Jadi dia ada kesinambungan macam tu la”. (G1)

“Kita kena pecahkan berapa jam untuk teori dan amali. Contoh, untuk teori tujuh waktu dan tujuh waktu lagi untuk amali. Pecahan waktu penting supaya murid bukan saja belajar teori je. Tapi amali tu kena tahu juga. Jadi, kedua-dua tu kena seimbang supaya murid tahu teori dan tahu amali”. (G2)



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والحلول الاجتماعية

“Biasannya, saya akan terang dahulu di dalam kelas dengan memberi penerangan berdasarkan buku teks apabila mengajar teori. Pada kelas seterusnya saya akan lebih kepada amali pula”. (G3)

Perbincangan

Hasil kajian mendapati guru pendidikan khas berupaya melaksanakan pengajaran yang berkesan kepada MMP di dalam bilik darjah. Amalan pengajaran guru yang berkesan adalah apa sahaja pelaksanaan guru dalam menentukan keberkesanan proses pembelajaran kepada murid. Model Slavin (1994) adalah salah satu penanda aras yang boleh diamalkan oleh guru dalam pengajaran. Amalan pengajaran berkesan yang diperkenalkan oleh Slavin (1994) mempunyai empat elemen yang perlu diamalkan oleh para guru, iaitu kualiti pengajaran, aras pengajaran, insentif dan masa.

Kualiti pengajaran adalah penting bagi seseorang guru bagi memastikan murid-murid memahami isi pelajaran dalam pembelajaran. Justeru itu, kepelbagaian kaedah dan pendekatan yang sesuai dapat membantu guru dalam menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan dan bermakna dalam pengajaran KVT. Ini dikukuhkan oleh kajian Nurul Huda dan Azlin (2017) yang menyatakan bahawa kualiti pengajaran guru terdiri daripada kaedah penyampaian, penggunaan sumber, pengurusan kelas, penglibatan murid dan penilaian. Kaedah tunjuk cara atau demonstrasi dapat melatih murid melakukan sesuatu aktiviti pembelajaran melalui pemerhatian dan pengalaman. Selain itu, kaedah pengajaran berasaskan projek dapat menggalakkan murid membina kemahiran dan memperoleh ilmu melalui aktiviti projek, kolaborasi dan teknik “hands on”. Di samping itu, penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik berupaya merangsang minat MMP untuk mengikuti pelajaran yang disampaikan oleh guru. Teknologi maklumat dan multimedia dapat memudahkan murid memahami pengajaran dengan menggunakan deria penglihatan, pendengaran dan pengalaman. Walau bagaimanapun, mengajar KVT memerlukan guru menggunakan bahan maujud bagi membantu murid melihat, mengenal dan merasai sendiri pengalaman dalam menggunakan bahan tersebut (Kamarul Azmi *et al.*, 2011).

Tahap kefahaman dan kebolehan MMP yang berbeza-beza memerlukan guru pendidikan khas menyampaikan isi pelajaran mengikut aras kemampuan MMP. Kebolehan guru dalam menyesuaikan pengajarannya dengan tahap kemampuan murid dapat menggalakkan penyertaan aktif MMP dalam pembelajaran. Kenyataan ini disokong oleh kajian Hamir dan Mohamad Hilmi (2019) yang menyatakan bahawa murid akan terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran sekiranya guru menerima kepelbagaian kemampuan murid. Selain itu, tahap kefahaman, kemampuan dan kebolehan MMP yang pelbagai dalam menerima pembelajaran memerlukan guru pendidikan khas menggunakan kaedah dan pendekatan yang sesuai dalam pengajaran. Ini dikukuhkan oleh kajian Zamri *et al.* (2019) yang menyatakan bahawa kaedah dan pendekatan pengajaran yang sesuai dapat memenuhi keperluan pembelajaran murid serta dapat memberi peluang pembelajaran yang sama kepada semua murid supaya mereka dapat belajar mengikut aras kognitif mereka.



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والحلول الاجتماعية

Proses pengajaran yang berkesan memerlukan usaha guru melibatkan penyertaan murid dalam pembelajaran. Penggunaan intensif berupaya memotivasikan murid sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Kenyataan ini disokong oleh kajian (Anis Shahirah dan Suziyani, 2019) menyatakan bahawa penggunaan kaedah peneguhan seperti peneguhan positif dan peneguhan negatif dapat membantu mengembalikan tumpuan murid di bilik darjah sekaligus menjadikan objektif pengajaran dan pembelajaran (PdP) tercapai dengan jayanya. Terdapat dua jenis peneguhan yang digunakan oleh guru pendidikan khas, iaitu peneguhan positif seperti ganjaran dan pujian, Makala peneguhan negatif seperti dendaan dan teguran bagi mengawal dan menarik perhatian MMP dalam pembelajaran.

Masa pengajaran guru adalah penting bagi memastikan guru dapat merancang dan mengurus pengajaran dengan lebih baik bagi menghasilkan kualiti pengajaran kepada murid-murid. Pengurusan masa mampu membantu guru melaksanakan pengajaran dengan teratur dan sistematik. Kenyataan ini disokong oleh kajian Abdul Rasid *et al.* (2013) yang menyatakan bahawa pengurusan masa digunakan sepenuhnya untuk mengajar, latihan pengajaran, penyampaian pengajaran dan aktiviti pengajaran. Selain itu, pengurusan waktu mengajar amali dan teori mata pelajaran KVT yang teratur dapat memberi kefahaman dan penyertaan murid dalam sesi pembelajaran. Kajian ini selari dengan kajian Sazura (2012) yang menitikberatkan pengurusan masa dalam mengajar Bahasa Arab supaya amalan pengajaran yang dilaksanakan berkesan untuk murid.

Kesimpulan

Pelaksanaan kemahiran vokasional Tanaman memerlukan pengajaran guru yang berkesan. Model Slavin (1994) dijadikan penanda aras dalam melihat keberkesanan guru melaksanakan pengajaran yang berkualiti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen kualiti pengajaran, aras pengajaran, insentif dan pengurusan masa dapat mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru pendidikan khas terhadap KVT. Dapat dirumuskan bahawa guru pendidikan khas berupaya menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dengan mengambil kira aras kemampuan MMP, menggunakan peneguhan positif dan negatif dalam memotivasikan MMP dan mampu mengurus masa pengajaran dengan sistematik dan teratur. Implikasinya, amalan pengajaran yang berkesan dapat memberikan pengajaran yang berkualiti kepada MMP dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terhadap KVT. Kajian ini mempunyai keterbatasan dari segi sampel kajian yang melibatkan guru pendidikan khas yang mengajar KVT di daerah Kuala Selangor. Dicadangkan kajian lanjutan dilakukan dengan mengambil kira sampel kajian dan reka bentuk kajian yang lebih besar.



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والحلول الاجتماعية

Rujukan

- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Nor Syafiqah Mohd Zain. (2013). Amalan pengajaran guru Bahasa Melayu berdasarkan persepsi murid. *Seminar Kebangsaan Kali Ke IV Majlis Dekan Pendidikan IPTA*. Gombak, Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Anis Shahirah Zulkifli & Suziyani Mohamed. (2019). Tahap pengetahuan guru dalam mengurus tingkah laku murid berkeperluan khas (mbk). *Jurnal Wacana Sarjana* 3(4), 1-7.
- Coe, R.A., Aloisi, C., Higgins, S. & Major, L. E. (2014). What make great teaching? Review of the underpinning research. Retrieved from: <https://www.suttontrust.com/research-paper/great-teaching/>
- Hamir Hamzah Jaafar & Mohamad Hilmi Mat Said. (2019). Inovasi pengajaran untuk menarik minat pelajar menguasai ilmu tajwid. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1(6), 8-17.
- Haslina, N.S. Zakaria, M. Izzudin, Julia & M. Salihin. (2017). Hubungan Cabaran Guru Bukan Opsyen, Kurikulum dan Iklim Sekolah dalam Pengajaran Bahasa Arab di Beberapa Sekolah Rendah Agama JAIS Daerah Hulu Langat, Selangor. *Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Helms Jorgensen, C., Lundahl, L., & Jarvinen, T. (2019). A Nordic transition regime? Policies for school-to-work transition in Sweden, Denmark and Finland. *European Educational Research Journal*, 18(3), 278-297. doi: 10.1177/1474904119830037
- Ibrahim N. & Dalim S.F., Sueb R. & Adzra'ai A. (2019). Trainee Teachers' Readiness Towards 21st Century Teaching Practices. *Asian Journal of University Education*, 15(1), 110-120. Retrieved from <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1222629.pdf>
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2011). Penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia, *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 59-74.
- Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim & Mohd Faez Ilias. (2017). Gaya Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Marohaini Yusoff. (2016). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Azlan Mohamad Hussain & Anesman Buangraya Wenge Abdul Rahman. (2020). Penggunaan kaedah pengajaran dalam kalangan tenaga pengajar teknologi elektronik di kolej vokasional Malaysia. *Jurnal Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman*, 1-4.
- Mohd Yusof. (2014). *Pelaksanaan program transisi kerjaya pendidikan khas bermasalah pendengaran*. (Tesis PhD tidak diterbitkan), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nadzri & Nor Fadilah. (2017). *Kualiti Amalan Guru dan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di MRSM*. (Disertasi Sarjana tidak diterbitkan), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
- Nur Hazwanie Azahari, Isa Hamzah & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2020). Tahap latihan dan kemahiran guru pendidikan khas menghadapi cabaran pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Vokasional



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والحلول الاجتماعية

- Spesifik (KVS) berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK). *Jurnal penyelidikan TEMPAWAN*, 37, 24-34.
- Nurul Huda Ab Rahman & Azlin Norhaini Mansor. (2017). Tahap amalan guru besar serta pengajaran dan pembelajaran guru sekolah rendah. *Malaysian Journal of Society and Space*, 13(3), 65-74.
- Ruzaini Rani. (2015). Kesediaan guru dalam pelaksanaan program LINUS di sekolah rendah. (Disertasi Sarjana tidak diterbitkan) Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
- Sazura Zakaria. (2012). *Amalan Pengajaran Berkesan Guru Bahasa Arab di SMKA Negeri Kedah*. (Disertasi Sarjana tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Malaysia.
- Shahril @ Charil Marzuki. (2002). Amalan Pengajaran Guru yang Berkesan: Kajian di beberapa Sekolah Menengah di Malaysia. 1-14. Diperoleh daripada <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2005/shahrilUM.pdf>
- Slavin, R. (1994). *A Theory of School and Classroom Organization*. Hillsdale, NJ: Erlbaun.
- Wan Nurzuliana Wan Ahmad. (2019). Amalan guru dalam melaksanakan kemahiran literasi Bahasa Melayu bagi Program Linsys di sekolah rendah, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 1-11. Diperoleh daripada <http://journalarticle.ukm.my/14519/1/187-360-1-SM.pdf>
- Zamri Mahamod, Anita Abdul Rahman, Abdul Rassid Jamian & Shamsuddin Othman. (2019). *Peta pemikiran: Kreativiti Guru Merangsang Pemikiran Pelajar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Disclaimer: Facts and opinions in all articles published on LPS Journal are solely the personal statements of respective authors. Authors are responsible for all contents in their article(s) including accuracy of the facts, statements, citing resources, and so on. LPS Journal disclaims any liability of violations of other parties' rights, or any damage incurred as a consequence to use or apply any of the contents of this journal.*